

TARIKH : 15 /10/2022

SURAT KHABAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

SH 15/10 11

Isu buruh paksa: Malaysia berhasrat jadi negara Pathfinder

PUTRAJAYA - Malaysia telah menyatakan hasrat untuk menyertai Alliance 8.7 sebagai negara Pathfinder dalam usaha bersama menangani isu aktiviti buruh paksa, perhambaan moden dan pmerdagangan manusia.

Menurut Kementerian Sumber Manusia (KSM) dalam kenyataan pada Jumaat, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 November 2021 telah bersetuju agar Malaysia menyertai Alliance 8.7 sebagai negara Pathfinder di bawah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Malaysia telah pun mengemukakan surat kepada sekretariat Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) pada 31 Mac lalu berhubung hasrat negara untuk menjadi negara Pathfinder," kata KSM.

Alliance 8.7 ditubuhkan bagi meningkatkan usaha untuk mencapai Target 8.7 di bawah SDG melalui pengiktirafan sebagai negara Pathfinder.

Target 8.7 bertujuan untuk memastikan semua negara mengambil tindakan dan langkah segera dalam menghapuskan buruh paksa, buruh kanak-kanak, perhambaan moden dan pmerdagangan manusia.

KSM memaklumkan penyertaan Malaysia sebagai negara Pathfinder akan membuktikan komitmen dan kesungguhan negara untuk mencapai Target 8.7 SDG serta menjadikan Malaysia sebagai negara kedua di ASEAN selepas Vietnam.

Langkah menjadi negara Pathfinder

adalah seiring dengan matlamat Pelan Tindakan Nasional Berhubung Isu Buruh Paksa (2021-2025) (NAPFL) dan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang (2021-2025) (NAPTIP).

"Penyertaan Malaysia dalam Alliance 8.7 juga akan memberi impak positif kepada kedudukan Malaysia dalam Laporan Tahunan Pmerdagangan Orang (TIP Report) dan platform-platform hak asasi manusia yang lain," katanya.

Menurut KSM lagi, Malaysia akan bekerjasama dengan PBB dan ILO melalui pelaksanaan program-program kesedaran, peningkatan kapasiti serta perkongsian amalan baik dari negara-negara Pathfinder yang lain.

Sehubungan itu, KSM mengundang organisasi awam dan swasta, kesatuan pekerja serta majikan, pertubuhan masyarakat madani (CSO), institusi akademik serta lain-lain pemegang taruh untuk menyatakan hasrat bagi menyertai Alliance 8.7 di Malaysia.

Penyertaan boleh dibuat melalui laman web rasmi kementerian di <https://www.mohr.gov.my/index.php/ms/selewat-lewatnya> pada 20 Oktober lalu.

"Organisasi yang telah menyatakan hasrat untuk menyertai Alliance 8.7 di Malaysia akan terlibat secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan Pelan Hala Tuju Alliance 8.7 berdasarkan teras utama NAPFL serta NAPTIP," ujarnya. - Bernama